
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JKP 316 – Pembangunan Politik Malaysia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

BAHAGIAN A

1. "Kenyataan Jabatan Perpaduan Negara bahawa integrasi kaum di kalangan golongan muda kini berada pada tahap minimum, walaupun seolah-olah wujud perpaduan di kalangan mereka dari segi luaran, wajar dipandang serius oleh semua pihak" (Lidah pengarang *Utusan Malaysia*, 23 September 2003).

"Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hubungan antara kaum yang sedia wujud pada masa ini adalah jauh lebih baik daripada mana-mana era dalam sejarah Malaysia" (*Utusan Malaysia*, 31 Oktober 2003).

Jelaskan kontradiksi yang kelihatan antara kedua-dua pernyataan di atas. Kaitkan ulasan anda dengan keberkesanan dasar integrasi nasional semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971.

(100 markah)

BAHAGIAN B

2. "Kalau dulu kita bermasalah dengan komunis, kemudian kita bermasalah dengan ekstremis perkauman, sekarang ini kita bermasalah pula dengan ekstremis agama." (Dr. Mahathir Mohamad, *Utusan Malaysia*, 31 Oktober 2003).

Bincangkan punca-punca timbulnya gejala pelampau (ekstremisme) di kalangan gerakan protes di Malaysia.

(100 markah)

3. Wajarkah Malaysia dikategorikan sebagai sebuah negara demokrasi? Berikan hujah anda.

(100 markah)

...3/-

4. Sejauh manakah ketegangan politik Sabah sepanjang pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad berjaya dikawal menurut prinsip-prinsip yang diutarakan oleh sarjana Arendt Lijphart?

(100 markah)

5. Akhbar Australia, *Sydney Morning Herald*, telah merumuskan pemerintahan Dr. Mahathir: "Malaysia di bawah pentadbiran Mahathir adalah model negara Islam paling berjaya yang ditawarkan dunia hari ini." Adakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? Berikan sebab-sebab anda.

(100 markah)

- oooOooo -

